



LEMBAGA PELABUHAN KELANG NOTIS BIL. 1/2017

PENGISYTIHARAN BERAT KASAR KONTENA BERKARGO (VERIFIED GROSS MASS) OLEH PIHAK SHIPPER

1. Berkuatkuasa mulai 16 April 2017, **Shipper VGM** yang diisytiharkan kepada pihak Operator Terminal tidak akan disemak semula (*revise*) oleh pihak Operator Terminal dengan syarat:
 - i. 'Weighing Slip' / 'Weight Certificate' yang dikeluarkan oleh Stesen Penimbang / pihak Shipper perlu dimajukan kepada Operator Terminal (dimuat naik ke dalam Portal e-SOLAS) semasa pihak Shipper / Ejen Penghantaran membuat pengisytiharan **Shipper VGM** sebelum kontena dibawa masuk ke dalam pelabuhan.
 - ii. Jambatan / Alat Penimbang (Method 1 / Method 2) yang digunakan oleh pihak Shipper telah dikalibrasi dan mendapat pensijilan daripada Metrology Corporation Malaysia Sdn. Bhd.

2. Sekiranya **Shipper VGM** telah salah diisytihar dan Syarikat Perkapalan menolak (*reject*) **Shipper VGM** tersebut, maka pihak Shipper / Ejen Penghantaran perlu memohon untuk menimbang semula kontena kepada Operator Terminal. Caj penimbangan serta dua (2) caj pergerakan tambahan (*extra movement charges*) akan dikenakan oleh Operator Terminal bagi penyediaan Terminal VGM.

Sekian, terima kasih.

Kapt. Kamal Ariffin Bin Idris

Menanggung Tugas Pen. Pengurus Besar (Operasi & Kawalselia)

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal (Kontena) Operasi Pelabuhan Klang

Lembaga Pelabuhan Kelang

Tarikh : 31 Mac 2017